**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***FAKTOR PENDORONG PENYERTAAN BELIA SEBAGAI PENGUNDI DI MALAYSIA***

**ABDUL HADI BIN SAMSI**

**FEM 2021 9**

# FAKTOR PENDORONG PENYERTAAN BELIA SEBAGAI PENGUNDI DI MALAYSIA

Oleh

**ABDUL HADI BIN SAMSI**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Oktober 2020**

© COPYRIGHT UPM

**HAK CIPTA**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia

© COPYRIGHT UPM

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**FAKTOR PENDORONG PENYERTAAN BELIA SEBAGAI PENGUNDI DI MALAYSIA**

Oleh

**ABDUL HADI BIN SAMSI**

**Oktober 2020**

**Pengerusi : Profesor Madya Mohd Izani Mohd Zain, PhD**
**Fakulti : Ekologi Manusia**

Berdasarkan pemerhatian penglibatan belia dalam proses pengundian adalah kurang memuaskan di seluruh dunia termasuk Malaysia, namun sejauh mana penyertaan belia dalam proses pengundian masih menjadi persoalan. Kajian ini adalah bertujuan untuk meneliti tahap dan faktor pendorong penyertaan belia dalam proses pengundian di Malaysia. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengenal pasti penyertaan belia dalam proses mengundi; mengenal pasti perbezaan penyertaan belia antara kaum terdiri daripada Melayu, Cina dan India; mengenal pasti tahap faktor pendorong terdiri daripada keluarga, masyarakat setempat dan media massa serta menentukan jangkaan faktor pendorong penyertaan belia dalam proses mengundian. Kajian ini menggunakan kaedah triangulasi serentak (*Concurrent triangulation design*) iaitu, data kuantitatif sebagai data utama dan disokong oleh data kualitatif. Bagi kaedah kuantitatif kajian dijalankan keatas 1500 orang responden yang dipilih secara rawak di setiap negeri terpilih dengan menggunakan kaedah pengiraan *"Probability Proportional to Size" (PPS) Cluster Sampling*. Kaedah kualitatif pula, pengkaji menetapkan seramai 10 orang informan. Statistik deskriptif, *cross tab* dan regrasi logistik digunakan untuk menganalisis data kuantitatif. Manakala kaedah *purposive sampling* digunakan bagi analisis data kualitatif. Hasil kajian daripada kedua-dua kaedah yang dijalankan mendapati bahawa penyertaan belia dalam proses pengundian adalah berada pada tahap sederhana, manakala dari segi penyertaan antara kaum, penyertaan belia Cina lebih baik berbanding



© COPYRIGHT UPM

belia Melayu dan India. Dari segi tahap faktor pendorong terdiri daripada keluarga, masyarakat setempat dan media massa berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian bagi faktor jangkaan menunjukkan media massa mempunyai tahap signifikan yang lebih baik berbanding faktor keluarga dan masyarakat setempat. Dengan ini penggunaan media massa terutamanya media sosial perlu dipertingkatkan dan diperluaskan kerana medium ini mampu mempengaruhi tingkah laku terhadap penyertaan belia dalam proses pengundian di Malaysia.

© COPYRIGHT UPM

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**FACTORS INFLUENCING YOUTH'S PARTICIPATION IN THE VOTING PROCESS IN MALAYSIA**

By

**ABDUL HADI BIN SAMSI**

**October 2020**


**Chairman : Associate Professor Mohd Izani Mohd Zain, PhD**
**Faculty : Human Ecology**



On the basis of the observations, the involvement of youth in the voting process worldwide, including Malaysia, is unsatisfactory, but the degree to which youth participation in the voting process is still in question. The purpose of this study is to analyse the degree and variables driving youth participation in Malaysia's voting process. The aim of this study is, therefore, to identify youth participation in the voting process; the difference between the participation of youth made up of Malays, Chinese and Indians; to identify the level of motivating factors consisting of family, local community and mass media; and to identify the anticipated motivating factors for youth participation in the voting process. The method of concurrent triangulation (Concurrent Triangulation Design) is used in this analysis, which is supported by qualitative data and quantitative data as the key data. 1500 respondents were randomly selected for the quantitative method of the analysis from each chosen state using the "Probability Proportional to Size" (PPS) Cluster Sampling method of measurement. For the qualitative method, the researcher established a total of 10 informants . In order to interpret quantitative data, descriptive statistics, cross tabs and logistical regression are used. While the purposive sampling method is used for qualitative analysis of results. The results of both methods have shown that youth participation in the electoral process is at a moderate stage, whereas the participation of Chinese youth is better than that of Malay and Indian. In terms of the level of motivating factors consisting of families, the local community and




© COPYRIGHT UPM

the mass media are at a high level. The findings of the study for the expectation factor show that the mass media has a significantly better level compared to the family and community factors. With this, it is important to enhance and expand the use of mass media, especially social media, as this medium is able to influence the behavior of youth participation in the voting process in Malaysia.

© COPYRIGHT UPM

# PENGHARGAAN

**"Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang"**

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang telah mengizinkan diri ini untuk menamatkan pengajian Doktor Falsafah (Sains Politik dan Kerajaan). Perjalanan yang agak panjang sepanjang pengajian membuatkan diri ini lebih cekal dan tabah dalam mengharungi ujian mendatang. Percaya pada ketentuan, reda mengharungi ujian, cekal dalam menggapai impian, insyallah Allah akan bukakan jalan mencapai kejayaan.

Buat seluruh ahli keluarga, jasa kalian tidak mampu dibalas, terima kasih kepada seluruh ahli keluarga yang sentiasa memberikan sokongan sepanjang tempoh pengajian saya. Tidak dilupakan jasa dan pengorbanan tempat diri ini dibesarkan iaitu, Asrama Damai Kuang. "Damainya rasa hati, dibawah naungan mu, gembira bersama mu, Asrama Damai". Terima kasih Asrama Damai, moga Allah memelihara kita semua.

Penghargaan ini tidak akan sempurna tanpa ucapan penghargaan terima kasih kepada ahli jawatan kuasa penyeliaan terdiri daripada Prof. Madya Dr. Mohd Izani, Dr. Nik Ahmad Sufian dan Allahyarham Dr. Abdul Razak yang telah membimbing dan membantu dalam penyelidikan sehingga tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya. Sekalung pernghargaan juga saya titipkan kepada mantan penyelia saya Dr. Amaludin Ab. Rahman. Terima kasih kepada semua para guru saya atas tunjuk ajar yang diberikan, hanya Allah yang dapat membalas jasa baik guru-guru saya.

Kepada rakan-rakan yang sentiasa bersama saya dalam susah dan senang, saya juga turut mendoakan kesejahteraan semua. Terima kasih Adidi Tamin, Amri Selamat, Dr. Rahimi, Dr. Ai, Nik Saiful, pengurusan dan rakan felo K13, rakan-rakan Nahwan Nur, adik-adik Putra dan Putri Nahwan serta semua yang tidak mampu saya sebut kesemuanya. Semoga tuhan membukakan rezeki yang luas kepada insan-insan hebat yang sentiasa membantu diri ini.

© COPYRIGHT UPM

Akhir sekali saya mengharapkan penulisan tesis ini dapat dikongsikan kepada semua dan dengan ilmu ini juga diharapkan dapat dijadikan bekalan saya di akhirat nanti.

Terima kasih.

© COPYRIGHT UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Mohd Izani Mohd Zain, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

**Abdul Razak Abdul Rahman, PhD**
Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

**Nik Ahmad Sufian Burhan @Jaohari, PhD**
Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

______________________________
**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 Jun 2021

© COPYRIGHT UPM

**Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovosi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : ______________________ Tarikh:_______________

Nama dan No. Matrik : Abdul Hadi bin Samsi, GS40950

© COPYRIGHT UPM

JADUAL KANDUNGAN


| | | | Muka surat |
|---|---|---|---|
| **ABSTRAK** | | | i |
| ***ABSTRACT*** | | | iii |
| **PENGHARGAAN** | | | v |
| **PENGESAHAN** | | | vii |
| **PERAKUAN** | | | ix |
| **SENARAI JADUAL** | | | xiv |
| **SENARAI RAJAH** | | | xvi |
| **SENARAI GRAF** | | | xvii |
| **BAB** | | | |
| **1** | **PENDAHULUAN** | | 1 |
| | 1.1 | Pengenalan | 1 |
| | 1.2 | Penyataan Masalah | 4 |
| | 1.3 | Persoalan Kajian | 8 |
| | 1.4 | Objektif | 9 |
| | 1.5 | Hipotesis Kajian | 9 |
| | 1.6 | Kepentingan Kajian | 10 |
| | 1.7 | Limitasi Kajian | 11 |
| | 1.8 | Kerangka Konsepsual Kajian | 12 |
| | 1.9 | Definasi Istilah | 13 |
| | 1.10 | Teori Kajian | 15 |
| | 1.11 | Rumusan | 21 |
| **2** | **TINJAUAN LITERATUR** | | 23 |
| | 2.1 | Pendahuluan | 23 |
| | 2.2 | Pengamalan Sistem Demokrasi di Dunia | 23 |
| | 2.3 | Penglibatan Belia Dalam Politik | 32 |
| | 2.4 | Isu-isu Pilihan Raya di Malaysia | 37 |
| | 2.5 | Pengaruh Keluarga Dalam Penglibatan Politik | 44 |
| | 2.6 | Pengaruh Masyarakat Dalam Penglibatan Politik | 50 |
| | 2.7 | Pengaruh Media Massa Dalam Penglibatan Politik | 56 |
| | 2.8 | Rumusan | 66 |




© COPYRIGHT UPM

| | | | |
|---|---|---|---|
| **3** | **METODOLOGI** | | 68 |
| | 3.1 | Pendahuluan | 68 |
| | 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 68 |
| | 3.3 | Lokasi Kajian | 69 |
| | 3.4 | Kaedah Persampelan | 70 |
| | 3.5 | Instrumen Kajian | 75 |
| | 3.6 | Pengumpulan Data | 80 |
| | 3.7 | Analisis Data | 81 |
| | 3.8 | Analisis Data Eksploratif (EDA) | 84 |
| | | 3.8.1 Pengaruh Keluarga | 85 |
| | | 3.8.2 Pengaruh Masyarakat Setempat | 86 |
| | | 3.8.3 Pengaruh Media Massa | 87 |
| | 3.9 | Rumusan | 87 |
| **4** | **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN** | | 89 |
| | 4.1 | Pendahuluan | 89 |
| | 4.2 | Demografi Responden | 89 |
| | | 4.2.1 Demografi Responden Kuantitatif | 90 |
| | | 4.2.2 Demografi Responden Kualitatif | 92 |
| | 4.3 | Penglibatan Belia Dalam Proses Mengundi. | 101 |
| | 4.4 | Perbandingan Penglibatan Belia Dalam Proses Mengundi Antara Kaum Melayu, Cina dan India | 108 |
| | | 4.4.1 Perbandingan Penglibatan Belia Antara Kaum Dalam Proses Mendaftar Sebagai Pengundi | 108 |
| | | 4.4.2 Perbandingan Penglibatan Belia Antara Kaum Dalam Proses Semakan Mengundi | 112 |
| | | 4.4.3 Perbandingan Penglibatan Belia Antara Kaum Dalam Proses Mengundi Pada Pilihan Raya Akan Datang | 116 |
| | 4.5 | Faktor Pendorong Dalam Politik | 121 |
| | | 4.5.1 Penyataan Bagi Faktor Keluarga | 122 |
| | | 4.5.2 Penyataan Bagi Faktor Mayarakat Setempat | 125 |
| | | 4.5.3 Penyataan Bagi Faktor Media Massa | 128 |
| | | 4.5.4 Tahap Faktor Pendorong Dalam Politik (N1500) | 132 |
| | 4.6 | Regrasi Logistik Bagi Jangkaan Faktor Pendorong Yang Mempengaruhi Proses Mengundi | 142 |
| | | 4.6.1 Regrasi Logistik Bagi Jangkaan Pendaftaran Mengundi | 142 |




© COPYRIGHT UPM

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 4.6.2 | Regrasi Logistik Bagi Jangkaan Semakan Mengundi | 146 |
| | 4.6.3 | Regrasi Logistik Bagi Jangkaan Mengundi Pada Pilihan Raya Akan Datang | 150 |
| 4.7 | Rumusan | | 161 |
| **5** | **RUMUSAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN** | | 164 |
| 5.1 | Pendahuluan | | 164 |
| 5.2 | Rumusan Kajian | | 164 |
| 5.3 | Kesimpulan Kajian | | 166 |
| 5.4 | Implikasi Kajian Secara Teoritikal | | 167 |
| 5.5 | Implikasi Kajian Secara Praktikal | | 169 |
| 5.6 | Cadangan Untuk Kajian Akan Datang | | 170 |
| 5.7 | Rumusan | | 171 |
| **RUJUKAN** | | | 172 |
| **LAMPIRAN** | | | 191 |
| **BIODATA PELAJAR** | | | 201 |
| **SENARAI PENERBITAN** | | | 202 |

© COPYRIGHT UPM

## SENARAI JADUAL


| Jadual | | Muka surat |
|---|---|---|
| 1.1 | Jumlah Pengundi Dan Jumlah Kerusi Mengikut Pilihan Raya di Malaysia | 2 |
| 3.1 | Belia Berumur 21 Tahun sehingga 40 Tahun Pelbagai Etnik Mengikut Negeri | 71 |
| 3.2 | Bilangan Kluster Dan Responden Terpilih Mengikut Negeri di Malaysia | 73 |
| 3.3 | Pecahan Responden Pelbagai Etnik Mengikut Kawasan Terpilih Di Setiap Negeri | 74 |
| 3.4 | Bahagian Dalam Soal Selidik kuantitatif | 76 |
| 3.5 | Kebolehpercayaan Instrumen Faktor Pendorong Penyertaan Belia Sebagai Pengundi Di Malaysia | 79 |
| 3.6 | Bahagian Dalam Temu Bual Kualitatif | 80 |
| 3.7 | Deskriptif data bagi skala pengaruh keluarga | 85 |
| 3.8 | Deskriptif data bagi skala pengaruh masyarakat setempat | 86 |
| 3.9 | Deskriptif data bagi skala pengaruh media massa | 87 |
| 4.1 | Ciri-ciri Demografi Responden Kuantitatif (N = 1500) | 91 |
| 4.2 | Ciri-Ciri Demografi Responden Kualitatif | 92 |
| 4.3 | Penglibatan Belia Dalam Proses Mengundi (N=1500) | 102 |
| 4.4 | Penyataan Bagi Faktor Keluarga (N1500) | 123 |
| 4.5 | Penyataan Bagi Faktor Masyarakat Setempat (N1500) | 127 |
| 4.6 | Penyataan Bagi Faktor Media Massa (N1500) | 130 |
| 4.7 | Tahap Faktor Pendorong Dalam Politik (N=1500) | 132 |




© COPYRIGHT UPM

| | | |
|---|---|---|
| 4.8 | Regrasi Jangkaan Faktor Keluarga Bagi Pendaftaran Mengundi | 143 |
| 4.9 | Regrasi Jangkaan Faktor Masyarakat Setempat Bagi Pendaftaran Mengundi | 144 |
| 4.10 | Regrasi Jangkaan Faktor Media Massa Bagi Pendaftaran Mengundi | 144 |
| 4.11 | Regrasi Logistik Bagi Jangkaan Pendaftaran Mengundi | 145 |
| 4.12 | Regrasi Jangkaan Faktor Keluarga Bagi Semakan Mengundi | 147 |
| 4.13 | Regrasi Jangkaan Faktor Masyarakat Setempat Bagi Semakan Mengundi | 148 |
| 4.14 | Regrasi Jangkaan Faktor Media Massa Bagi Semakan Mengundi | 148 |
| 4.15 | Regrasi Logistik Bagi Jangkaan Semakan Mengundi | 149 |
| 4.16 | Regrasi Jangkaan Faktor Keluarga Bagi Mengundi Pada Pilihan Raya Akan Datang | 151 |
| 4.17 | Regrasi Jangkaan Faktor Masyarakat Setempat Bagi Mengundi Pada Pilihan Raya Akan Datang | 152 |
| 4.18 | Regrasi Jangkaan Faktor Media Massa Bagi Mengundi Pada Pilihan Raya Akan Datang | 152 |
| 4.19 | Regrasi Logistik Bagi Jangkaan Mengundi Pada Pilihan Raya Akan Datang | 153 |
| 4.20 | Rumusan Jangkaan Faktor Pendorong Penyertaan Belia Sebagai Pengundi Di Malaysia | 160 |
| 4.21 | Rumusan Hasil Kajian Mengikut Hipotesis | 163 |

© COPYRIGHT UPM

## SENARAI RAJAH

**Rajah** **Muka surat**


| Rajah | | Muka surat |
|---|---|---|
| 1.1 | Kerangka Konsepsual Kajian Faktor Pendorong Penyertaan Belia Sebagai Pengundi Di Malaysia | 12 |
| 1.2 | Kerangka teoritikal pengkaji yang diubah suai dengan merujuk Teori Penglibatan Dalam Demokrasi oleh Joseph Schumpeter 1942; Von Vorys, 1975 Osborne, Rosenthal & Turner, 2000; Hungtington & Nelson, 1994; Mibrath & Goel, 1977; Michael Rush & Philip Althoff, 1956 | 21 |
| 3.1 | Regrasi Logistik Jangkaan Faktor Pendorong Mendaftar Sebagai Pengundi | 82 |
| 3.2 | Regrasi Logistik Jangkaan Faktor Pendorong Melakukan Semakan Mengundi | 82 |
| 3.3 | Regrasi Logistik Jangkaan Faktor pendorong Mengundi Pada Pilihan Raya | 83 |
| 3.4 | Histogram Pengaruh Keluarga | 85 |
| 3.5 | Histogram Pengaruh Masyakarat Setempat | 86 |
| 3.6 | Histogram Pengaruh Media Massa | 87 |


© COPYRIGHT UPM

## SENARAI GRAF

| Graf | | Muka surat |
|---|---|---|
| 1 | Perbandingan Penglibatan Belia Antara Kaum Dalam Proses Mendaftar Sebagai Pengundi (N=1500) | 109 |
| 2 | Perbandingan Penglibatan Belia Antara Kaum Dalam Proses Semakan Mengundi (N=1500) | 113 |
| 3 | Perbandingan Penglibatan Belia Antara Kaum Dalam Proses Mengundi Pada Pilihan Raya Akan Datang (N=1500) | 117 |


© COPYRIGHT UPM

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Negara yang stabil perlu mempunyai kerajaan yang mampu mentadbir dan menguruskan negara dengan baik. Masyarakat matang mampu berfikir dengan mendalam sebelum bertindak memilih wakil parti politik untuk diangkat menjadi kerajaan dengan mengambil kira kesan baik dan buruk pembentukan sesebuah kerajaan tersebut (Tamat Sarmidi, 2018).

Dalam memilih tampuk kepemimpin sesebuah negara satu sistem demokrasi dibentuk bagi melayakkan sesebuah parti politik diangkat sebagai kerajaan sekaligus mengurus tadbir negara. Sistem demokrasi adalah merupakan satu kaedah pembentukkan kerajaan mengikut peraturan perundangan melalui prosedur yang telah ditetapkan (Runi, 2003). Di Malaysia sistem demokrasi digerakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang mana tugas utama SPR adalah bertanggungjawab menguruskan pendaftaran pemilih, menjalankan pilihan raya selepas Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) dibubarkan serta melakukan persempadanan kawasan Parlimen dan DUN sekiranya perlu (Suruhajaya Pilihan Raya, 2019).

Di Malaysia pilihan raya bermula sejak tahun 1959, dan setakat ini 14 pilihan raya umum telah dijalankan dengan jumlah kerusi yang semakin bertambah. Bagi melihat dengan lebih jelas jumlah pengundi dan jumlah kerusi sepanjang pilihan raya dijalankan di Malaysia boleh dirujuk pada Jadual 1.1 di bawah;



© COPYRIGHT UPM

**Jadual 1.1 : Jumlah Pengundi Dan Jumlah Kerusi Mengikut Pilihan Raya di Malaysia**

| | Pilihan Raya Umum (PRU) | Tahun | Jumlah Pengundi (Juta) | Jumlah Kerusi |
|---|---|---|---|---|
| 1 | PRU 1 | 1959 | 2,171,097 | 104 |
| 2 | PRU 2 | 1964 | 2,763,077 | 126 |
| 3 | PRU 3 | 1969 | 3,843,782 | 128 |
| 4 | PRU 4 | 1974 | 4,132,032 | 154 |
| 5 | PRU 5 | 1978 | 5,059,689 | 154 |
| 6 | PRU 6 | 1982 | 6,081,628 | 177 |
| 7 | PRU 7 | 1986 | 6,964,960 | 177 |
| 8 | PRU 8 | 1990 | 7,968,640 | 180 |
| 9 | PRU 9 | 1995 | 9,012,173 | 192 |
| 10 | PRU 10 | 1999 | 9,564,071 | 193 |
| 11 | PRU 11 | 2004 | 10,284,591 | 219 |
| 12 | PRU 12 | 2008 | 10,922,139 | 222 |
| 13 | PRU 13 | 2013 | 13,000,000 | 222 |
| 14 | PRU 14 | 2018 | 14,900,000 | 222 |

(Sumber : Sinar Harian, 2013; Berita Harian, 2018)

Sistem pilihan raya di Malaysia mengamalkan sistem politik pelbagai parti dengan proses pembentukan kerajaan ditentukan oleh kemenangan majoriti kerusi sama ada di Dewan Rakyat ataupun di Dewan Undangan Negeri (DUN). Sistem ini dinamakan sebagai *"First Past The Post System"* iaitu, calon-calon yang memperolehi undian majoriti akan diisytihar sebegai pemenang di bahagian pilihan raya berkenaan (Sinar Harian, 2013).

Fungsi SPR adalah termaktub dalam Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan iaitu, menguruskan pendaftaran daftar pemilihan warganegara Malaysia bagi membolehkan individu tersebut terlibat dalam proses memilih wakil untuk menyuarakan pendapat mereka dalam Dewan Rakyat atau di Dewan Undangan Negeri (DUN). Dahulu pendaftaran daftar pemilih dilakukan secara bermusim dengan pendaftaran dibuka hanya sekali dalam setahun dengan proses ini dibuka selama antara 21 hingga 42 hari sahaja. Tetapi sejak 16 Julai 2002 proses daftar pemilih telah dibuka setiap hari sepanjang tahun (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2016).

Merujuk kepada proses pilihan raya, Malaysia masih berada pada tahap kurang memuaskan terutamanya melibatkan golongan belia berusia 21 tahun sehingga 30 tahun. Ini jelas apabila data yang diperoleh daripada Suruhanjaya Pilihan



© COPYRIGHT UPM

Raya menunjukkan sehingga 30 September 2016, seramai 4.2 juta rakyat Malaysia masih gagal mendaftar sebagai pemilihan (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2016). Perkara ini berlaku disebabkan sikap golongan belia tidak cakna dan sensitif terhadap sosialisasi politik negara disamping rasa selesa dengan kehidupan yang mereka kecapi.

Hasil peratusan daftar memilih mendapati tidak memuaskan akibat daripada kurangnya kesedaran dan juga galakan daripada mana-mana pihak menyebabkan golongan belia tidak ambil peduli terhadap hak mereka sebagai rakyat Malaysia untuk menentukan tampuk kepimpinan negara. Selain itu hasil kajian lain mendapati bahawa belia lebih cenderung untuk memfokuskan pelajaran dan pekerjaan bagi membina kehidupan yang lebih baik (Atory Hussain, 2012).

Menurut Azizan (1995) belia boleh diklasifikasikan kepada dua golongan iaitu pertama, belia di dalam pertubuhan yang merangkumi pertubuhan belia, kesatuan sekerja, parti politik (kelab pemuda parti), badan kebudayaan, persatuan pelajar, badan agama, badan profesional, persatuan pengguna dan persatuan sukarela. Manakala golongan kedua adalah belia di luar pertubuhan antaranya pekerja muda, petani muda, pelajar, penganggur, kakitangan kerajaan dan kakitangan swasta.

Pembahagian ini dilihat sangat penting dan perlu ditekankan oleh mana-mana pihak terutamanya parti-parti politik, bagi memastikan lebih ramai belia berkecimpung dalam pergerakan komponen parti politik amnya dan politik negara khususnya. Hal ini kerana kedua-dua kelompok mempunyai potensi dan peranan yang sangat besar dalam agenda pembangunan masyarakat dan negara.

Rentetan daripada senario politik negara yang semakin mencabar, satu kajian dijalankan bagi mengenal pasti penyertaan politik belia dalam proses mengundi, menentukan agen sosialisasi terdiri daripada keluarga, masyarakat dan media massa yang mampu menarik minat belia untuk mendaftar sebagai daftar pemilih, melakukan semakan mengundi dan mengundi pada pilihan raya.

Malaysia dipilih bagi menjalankan kajian ini kerana keadaan negaranya yang mempunyai pelbagai etnik dan agama serta mempunyai keadaan geografi dan



© COPYRIGHT UPM

landskap kehidupan sosial yang pelbagai. Di Malaysia terdapat seramai 7,841,813 orang belia dengan terdiri daripada Melayu dan Bumiputra 5,175,489 orang, Cina 2,019,529 orang dan India seramai 646,795 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia,2010).

Tuntasnya, kajian ini memfokuskan kepada faktor pendorong penyertaan belia sebagai pengundi di Malaysia.

## 1.2 Penyataan Masalah

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, rakyat memiliki kuasa mutlak dalam memilih kerajaan. Dalam memperjuangkan nasib rakyat, adalah menjadi tanggungjawab setiap masyarakat yang layak mengundi untuk terlibat dalam politik terutamanya dalam proses pilihan raya kerana penglibatan belia akan menentukan struktur pembentukkan kerajaan sesebuah negara secara langsung.

Statistik menunjukkan pengurangan dalam pelbagai bentuk penglibatan politik dalam kalangan belia seperti mendaftar sebagai pengundi, turun mengundi, menjadi ahli parti politik dan sebagainya (Ng, 2015). Isu-isu berkaitan penglibatan dalam pengundian merupakan masalah global (Biezen & Poguntke, 2014).

Masalah dalam pengundian perlu dilihat terlebih dahulu dari segi masalah daftar mengundi. Isu belia tidak melibatkan diri dalam politik telah menjadi perhatian dan kebimbangan semua pihak memandangkan belia merupakan pemimpin masa depan yang akan menentukan hala tuju negara. Oleh itu, isu ini sering mendapat tumpuan para penyelidik dalam bidang sains politik untuk mengkaji sebab-sebab berlakunya fenomena ini (Stetsenko, 2002).

Terdapat banyak kajian luar negara yang menunjukkan pengurangan daftar pemilih seterusnya melibatkan diri dalam politik, sebagai contoh, kajian belia Rusia mendapati hanya 15% berminat dengan isu politik dan melaksanakan tanggungjawab mendaftar sebagai pengundi (Stetsenko, 2002), manakala bagi belia Jepun pula, sebanyak 60% kurang atau tidak berminat dengan politik (Stevenson & Zusho, 2002).

© COPYRIGHT UPM

Di Malaysia berdasarkan data Banci Penduduk dan Perumahan 2010, belia dianggarkan seramai 13.67 juta iaitu 45% daripada keseluruhan penduduk Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014). Angka tersebut jelas menunjukkan populasi belia di Malaysia adalah besar. Pengurangan bilangan belia yang mendaftar sebagai pengundi menjadi kebimbangan dan perlu dipandang serius oleh pihak kerajaan. Sehingga 30 September 2016, terdapat 4.2 juta daripada 13.67 juta belia Malaysia gagal mendaftar sebagai pengundi (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2016). Pada PRU ke-14 jumlah belia gagal mendaftar pemilih masih konsisten sekitar 4 juta orang. Ditambah terdapat usaha untuk menurunkan umur kalayakan mengundi kepada 18 tahun menyebabkan jumlah jangkaan tidak mendaftar sebagai pemilih meningkat sebanyak 1.5 juta menjadikan jumlah tidak mendaftar pemilih sekitar 5.5 juta orang menjelang PRU ke-15 (Wan Ahmad Wan Omar, 2018).

Seterusnya masalah dari segi semakan mengundi. Semakan mengundi adalah satu proses yang sangat penting dalam memastikan pengundi mengetahui kawasan Parlimen, Dewan Undangan Negeri (DUN) pengundi serta lokasi pengundian (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2018). Terdapat pelbagai masalah yang wujud sekiranya proses semakan ini diabaikan oleh pengundi. Pada PRU ke-13 terdapat 67 kes yang berjaya dikenal pasti berkaitan semakan mengundi, antaranya terdapat pengundi yang tidak tahu lokasi mengundi sudah bertukar dan pertukaran kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Hal ini disebabkan kegagalan pengundi untuk melakukan semakan mengundi terlebih dahulu sebelum keluar mengundi pada hari kejadian (PEMANTAU, 2014).

Dari segi penglibatan menjalankan tanggungjawab untuk mengundi pada setiap kali pilihan raya, di Malaysia pengurangan penglibatan politik dapat dilihat dengan jelas dari segi peratusan keluar mengundi. Pada Pilihan Raya Umum ke-13 mencatatkan 84.84% keluar mengundi, tetapi pada Pilihan Raya Umum ke-14 berlaku pengurangan peratusan keluar mengundi kepada 82.32% sahaja, iaitu pengurangan sebanyak 2.52% (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2013; Suruhanjaya Pilihan Raya, 2018). Kajian lain pula mendapati 57.9% golongan belia tidak berminat untuk keluar mengundi kerana merasakan proses pilihan raya tidak membawa apa-apa perubahan kepada negara (Ismail Sulaman, 2018). Selain daripada itu golongan belia kurang berminat keluar mengundi kerana kurangnya dorongan dan galakan daripada keluarga dan masyarakat setempat (Abdul Hadi, 2014).

© COPYRIGHT UPM

Merujuk kepada beberapa pilihan raya kecil (PRK) yang dijalankan di Malaysia mendapati tidak mencapai peratus keluar mengundi yang ditetapkan oleh pihak SPR. Selepas PRU ke-14 terdapat beberapa PRK telah dijalankan, dan hasil dapatan menunjukkan peratusan keluar mengundi paling rendah pernah dicatatkan dalam sejarah PRK di Malaysia. PRK Balakong hanya mencatatkan 43% keluar mengundi, PRK Seri Setia pula mencatatkan 44% keluar mengundi dan PRK Sungai Kandis hanya mencatatkan 49.8% (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2018). Terdapat juga beberapa PRK yang dijalankan menunjukkan peratusan keluar mengundi melebihi 50%, antaranya PRK Port Dickson (58.3%), PRK Cameron Highlands (68.79%) dan PRK Semenyih (73.35%). Walau bagaimanapun hanya PRK Semenyih sahaja yang mencapai sasaran SPR iaitu 70% pengundi keluar mengundi (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2018).

Melihat kepada peratusan keluar mengundi bagi setiap pilihan raya kecil ini jelas menunjukkan bahawa penglibatan belia dalam proses pilihan raya adalah pada tahap tidak memuaskan. Begitu juga dalam melihat penglibatan belia antara kaum terdiri daripada kaum Melayu dan Bumiputera, Cina dan India. Setakat data yang diperolehi sehingga tahun 2017 lebih 2 juta (50%) belia Melayu gagal mendaftar sebagai pemilih berbanding kaum Cina dan India yang dilihat lebih cakna perihal proses pilihan raya (Zulkifli Jalil, 2017).

Satu kajian yang dilaksanakan terhadap penglibatan belia dalam politik di Selangor, Malaysia mendapati kesedaran politik bagi kaum Cina lebih tinggi berbanding kaum Melayu dan India. Penglibatan politik ini dilihat dari segi penglibatan belia seperti mendaftar dalam pilihan raya, mendaftar sebagai ahli parti politik, menghadiri ceramah politik dan membantu parti politik bagi menjalankan kerja-karja parti (Abdul Hadi, 2014).

Merujuk kepada permasalahan ini faktor utama belia Melayu tidak mendaftar sebagai pengundi adalah kurangnya galakan dan dorongan daripada keluarga dan masyarakat sekeliling disamping merasakan selesa dengan apa yang dikecapi oleh mereka pada masa ini (Harits Asyraf Hasnan, 2018; Hamizan Basir, 2016; Abdul Hadi 2014). Kesedaran politik perlu ditingkatkan dalam kalangan orang Melayu dan Bumiputera kerana merupakan satu-satunya kekuatan yang ada untuk terus berkuasa dalam mentadbir negara (Anuar Musa, 2016).



© COPYRIGHT UPM

Kesimpulan bagi pola penglibatan belia dalam pengundian adalah rendah disebabkan oleh faktor agen sosialisasi yang kurang memainkan peranan sehinggakan kebanyakan belia tidak tahu dan tidak mahu melibatkan diri dalam proses pilihan raya (Ismail Sulaman, 2018; Awang Besar & Mat Jali, 2012). Kesannya, masalah pembaziran dalam menjalankan pilihan raya, sistem pilihan raya hambar dan tidak mendapat sambutan serta proses demokrasi yang tidak mendapat sambutan antara paling ketara berlaku.

Menurut Laporan Indeks Belia Malaysia 2015 mendapati domain sosialisasi politik berada pada tahap yang tidak memuaskan. Sejajar dengan itu, adalah penting memberi penekanan terhadap faktor pendorong terdiri daripada agen-agen sosialisasi dalam mendidik belia mengenai politik demi meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Berdasarkan kajian-kajian lepas faktor keluarga, masyarakat setempat dan media massa merupakan agen paling signifikan dalam mempengaruhi penglibatan politik seseorang (Daly & Hawkins, 2005; Awang Besar & Mat Jali, 2012; Chen, 2012).

Dari konteks keluarga, kajian terdahulu telah membuktikan sosialisasi politik keluarga menyebabkan belia banyak menceburi aktiviti politik secara amnya, dan menyertai parti politik (Cross & Young, 2008) secara khususnya. Namun, kajian tentang pengaruh keluarga secara khusus dalam pengundian seperti pendaftaran dan mengundi masih lagi terhad. Begitu juga dengan peranan masyarakat setempat yang turut mempengaruhinya.

Globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat menyebabkan kajian-kajian politik kini menumpukan pula pada aspek yang lebih dinamik iaitu peranan media massa dalam mempengaruhi tingkah laku politik belia (McLeod, 2000). Selain daripada televisyen dan surat khabar, internet juga berperanan menyediakan pelbagai berita serta maklumat tentang politik. Belia zaman kini yang lebih menumpukan media sosial dilihat berpotensi memberikan impak besar kepada penglibatan politik mereka. Kajian-kajian lepas membuktikan penggunaan media baru ini mempunyai kaitan dengan penglibatan politik belia (Fatimah & Ali, 2015; Cross & Young, 2008). Namun, sebanyak mana pengaruh media dalam mempengaruhi penglibatan belia Malaysia dalam proses pengundian iaitu pendaftaran dan mengundi masih lagi menjadi tanda tanya.

Daripada ketiga-tiga agen sosialisasi terdiri daripada keluarga, masyarakat setempat dan media massa masih lagi tidak dapat dibuktikan kaedah terbaik dalam meningkatkan penglibatan belia dalam proses pengundian. Melalui



© COPYRIGHT UPM

penyataan masalah di atas, jelas menunjukkan kajian faktor pendorong penyertaan belia sebagai pengundi penting dijalankan kerana dengan mengetahui faktor yang paling mempengaruhi belia dalam proses pilihan raya dapat membantu banyak pihak seperti Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Parti-parti politik menyusun strategi serta mencari mekansime terbaik dalam meningkatkan penglibatan belia dalam proses pilihan raya seterusnya menyuburkan lagi sistem demokrasi di Malaysia.

Kesimpulannya, belia memberi impak besar terhadap hala tuju politik dan pentadbiran negara. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti sejauh mana faktor pendorong terdiri daripada keluarga, masyarakat setempat dan media massa terhadap penglibatan belia dalam pengundian terdiri daripada mendaftar sebagai pemilih, melakukan semakan pemilih dan mengundi dalam pilihan raya di Malaysia.

## 1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan terdapat beberapa persoalan kajian yang dapat diketengahkan, pertama, bagaimanakah tahap penyertaan belia dalam proses mengundi di Malaysia?

Kedua, adakah terdapat perbezaan penyertaan belia dalam proses mengundi antara kaum Melayu, Cina dan India?

Ketiga, sejauh manakah faktor pendorong (keluarga, masyarakat setempat dan media massa) mempengaruhi penyertaan belia dalam proses mengundi?

Keempat, apakah faktor pendorong yang paling signifikan dalam mempengaruhi penyertaan belia dalam proses mengundi?



© COPYRIGHT UPM

## 1.4 Objektif

**Objektif Umum**

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti faktor pendorong yang mempengaruhi penyertaan belia sebagai pengundi di Malaysia.

**Objektif Khusus**

1. Mengenal pasti penglibatan belia dalam proses mengundi.
2. Mengenal pasti penyertaan belia dalam proses mengundi antara kaum Melayu, Cina dan India.
3. Mengenal pasti tahap faktor pendorong (keluarga, masyarakat setempat dan media massa) dalam politik.
4. Menentukan jangkaan faktor pendorong yang signifikan terhadap penglibatan belia dalam proses mengundi.

## 1.5 Hipotesis Kajian

**Ho1** : Tiada sumbangan yang signifikan antara faktor pendorong (keluarga, masyarakat setempat dan media massa) dengan proses pendaftaran mengundi.

**Ho2** : Tiada sumbangan yang signifikan antara faktor pendorong (keluarga, masyarakat setempat dan media massa) dengan proses semakan mengundi.

**Ho3** : Tiada sumbangan yang signifikan antara faktor pendorong (keluarga, masyarakat setempat dan media massa) dengan jangkaan mengundi pada pilihan raya akan datang.

© COPYRIGHT UPM

## 1.6 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa kepentingan kajian yang boleh diketengahkan melalui kajian ini. Pertama, dapat melihat sejauh mana penglibatan belia dalam pengundian. Melalui penyataan masalah jelas menunjukkan penglibatan belia dalam politik adalah rendah, sekiranya hal ini berlarutan akan menyebabkan sistem demokrasi terjejas dan pengundi terutamanya golongan muda tidak tahu menggunakan kuasa sebagai pengundi untuk memilih wakil rakyat di kawasan mereka. Maka dengan ini sangat penting kajian ini dijalankan bagi menentukan tahap penyertaan belia dalam proses mengundi.

Kedua, kajian ini amat penting dalam menentukan penyertaan belia dalam mengundi antara kaum Melayu, Cina dan India. Melihat kepada senario politik semasa, ketidak seimbangan penglibatan dalam pengundian antara kaum di Malaysia menyebabkan berlakunya ketidaktentuan hala tuju negara. Parti-parti berasaskan kaum banyak mempengaruhi pengundi terutamanya kaum Melayu apabila terdapat banyak parti-parti Melayu wujud menyukarkan lagi pemilihan semasa pengundian, akhirnya kaum Melayu yang dilihat dominan tidak dapat menguasai majoriti kerusi sama ada di peringakat Dewan Undangan Negeri mahupun di Parlimen apabila pecahan kerusi mengikut parti dilakukan.

Ketiga, penting dalam mengenal pasti faktor-faktor pendorong paling signifikan dalam membantu penglibatan belia dalam pengundian. Terdapat beberapa faktor pendorong dikenal pasti mampu membantu dalam proses ini antaranya keluarga, masyarakat setempat dan media massa. Melalui agen-agen ini satu pelan tindakan strategik dapat dirangka untuk meningkatkan penglibatan belia dalam proses mengundian.

Secara keseluruhannya kajian ini amat penting untuk dijalankan, ini kerana belia merupakan tonggak utama dalam memacu legasi kegemilangan dan kecemerlangan negara. Oleh yang demikian sangat penting kajian ini dijalankan bagi melihat senario penyertaan belia sebagai pengundi disamping agen sosialisasi paling signifikan dapat ditentukan seterusnya satu pelan tindakan dapat dirangka dan digerakkan dalam memastikan belia di Malaysia bergiat aktif dalam proses mengundian tersebut.

© COPYRIGHT UPM

## 1.7 Limitasi Kajian

Kajian yang dijalankan mempunyai beberapa limitasi kajian, antaranya adalah pertama, tempoh masa kerja-kerja mengutip data telah dijalankan selama dua tahun iaitu antara tahun 2016 – 2017 iaitu sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 dijalankan.

Kedua, adalah dari segi had umur responden. Oleh kerana kajian ini dijalankan pada tahun 2016 sehingga 2017 maka pengkaji telah memberi fokus kepada belia berumur antara 21 tahun hingga 40 tahun sahaja iaitu menurut takrifan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan menerusi Kertas kerja Cadangan Dasar Pembangunan Belia Negara 1995, belia adalah berumur 15 tahun sehingga 40 tahun (Kementerian Belia dan Sukan, 1995). Manakala menurut Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebelum Rang Undang-undang perkara 119 (1) berkaitan had umur mengundi dipinda dan diturunkan kepada 18 tahun (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2019), maka kajian ini memfokuskan kepada mereka yang berusia 21 tahun dan keatas iaitu, merujuk kepada takrifan umur mengundi yang dikeluarkan oleh SPR sebelum ini. (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2017). Hasil takrifan kedua-duanya pengkaji telah menentukan responden bagi kajian Faktor Pendorong Penyertaan Belia Sebagai Pengundi Di Malaysia adalah 21 tahun sehingga 40 tahun.

Ketiga, kerja-kerja kutipan data hanya dijalankan di setiap ibu negeri bagi negeri-negeri yang terdapat di Malaysia. Hal ini kerana merujuk kepada kaedah *Probability Proportional to Saiz* (PPS) *Cluster Sampling* iaitu, pengambilan saiz sampel yang besar mampu meningkatkan ketetapan dalam anggaran statistik terhadap populasi (Yeo Wee Teck, 2010). Berdasarkan dapatan bancian penduduk menunjukkan golongan belia kebanyakannya tinggal di bandar-bandar besar yang terletak di setiap ibu negeri, oleh kerana setiap kajian mempunyai limitasi dari segi jumlah responden, maka pengkaji telah memfokuskan kepada golongan belia yang tinggal di kawasan-kawasan tersebut.

Keempat, dari segi sampel responden kuantitatif adalah mengikut populasi belia Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Kajian ini menetapkan nisbah 6:3:1 (Melayu: Cina: India) bagi setiap negeri. Walau bagaimanapun bagi negeri Sabah dan Sarawak pecahan nisbah Melayu turut merangkumi golongan Bumiputera. Hal ini demikian kerana kedua-dua negeri tersebut mempunyai kepelbagaian etnik penduduk asal yang berada dalam kategori yang sama



© COPYRIGHT UPM

menyebabkan pemilihan responden adalah sedikit berbeza dengan negeri-negeri yang lain.

Menelusuri keempat-empat limitasi kajian yang telah diterangkan di atas adalah amat penting bagi mengenal pasti tempoh kajian, fokus responden dan cara kajian ini dijalankan serta memudahkan pengkaji menjalankan kajian yang berfokus dan tersusun.

## 1.8 Kerangka Konsepsual Kajian




**Rajah 1.1 : Kerangka Konsepsual Kajian Faktor Pendorong Penyertaan Belia Sebagai Pengundi Di Malaysia**



© COPYRIGHT UPM

## 1.9 Definasi Istilah

**Proses Pilihan Raya**

**Konsepsual :**

Di Malaysia proses pilihan raya dijalankan oleh satu badan bebas dan berkecuali iaitu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Proses pilihan raya akan dimulakan dengan pengeluaran Writ iaitu, pembubaran Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) yang terdapat kekosongan. SPR akan mengeluarkan surat kuasa untuk menjalankan pilihan raya kepada Pegawai Pengurusan. Seterusnya proses penamaan calon akan dilakukan. Pegawai Pengurus akan menerima borang-borang penamaan dari calon, pencadang atau penyokong ketiga-tiga sekali. Dalam proses ini juga sekiranya tiada bantahan dilakukan Pegawai Pengurus akan mengisytiharkan calon-calon yang layak bertanding. Selesai sahaja penamaan calon dijalankan proses seterunya adalah kempen pilihan raya. Semua bentuk aktiviti kempen pilihan raya boleh dijalankan dan perlu dihentikan pada jam 12 tengah malam hari mengundi. Untuk kempen calon-calon perlu membayar deposit bahan kempen sebanyak RM5,000 bagi pilihan raya peringakat Parlimen dan RM3,000 bagi Dewan Undangan Negeri. Proses pengundian pula dijalankan setelah ditetapkan oleh pihak SPR, dan proses ini akan berterusan sehingga pusat pengundian ditutup. Proses pilihan raya diteruskan lagi dengan sesi penjumlahan rasmi undi. Ketua tempat mengundi akan membuat pengiraan kertas undi. Keputusan pengiraan undi dimasukkan ke dalam Borang 14. Pegawai Pengurus akan menyemak borang tersebut, dan jika didapati betul beliau akan mengumumkan kepada orang ramai satu persatu dan jika terdapat keraguan borang 13 akan digunakan untuk semakan semula. Selesai sahaja penjumlah undi, proses terakhir adalah proses pengumuman keputusan pilihan raya. Pegawai Pengurus akan mengumumkan dan mengisytiharkan calon yang mendapat undi majoriti dan mengesahkannya sebagai wakil rakyat. Bagi mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan pilihan raya boleh mengemukakan di Mahkamah Pilihan Raya melalui petisyen pilihan raya (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2013).

**Operasional :**

Proses mengundi dalam kajian ini memfokuskan kepada tiga iaitu mendaftar sebagai pengundi, melakukan semakan mengundi dan mengundi pada pilihan raya akan datang. Ketiga-tiga perkara ini merupakan proses pilihan raya yang dilihat sangat penting dalam menentukan tahap penglibatan belia secara keseluruhan dan penglibatan antara kaum dalam proses mengundi.



© COPYRIGHT UPM

**Golongan Belia**

**Konsepsual :**

Menurut Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia dalam kertas kerja "Cadangan dasar Pembangunan Belia Negara 1995, memaklumkan bahawa belia Malaysia terdiri daripada orang yang berumur antara 15 hingga 40 tahun dengan alasan bahawa ia adalah takrif Majlis Belia Malaysia (MBM) 1985. Di samping itu dianggap bahawa golongan ini sudah mencapai taraf matang yang memuaskan dan dapat menerima manfaat maksimum daripada rancangan-rancangan yang disusun (Kementerian Belia dan Sukan, 1995).

**Operasional :**

Bagi kajian ini memfokuskan kepada dua kategori responden, pertama kaedah kuantitatif terdiri daripada golongan belia yang berusia 21 tahun sehingga 40 tahun. Golongan ini dipilih kerana mengikut perlembagaan Malaysia mereka yang berusia 21 tahun dan ke atas dibenarkan mengundi dalam proses pemilihan Pilihan Raya. Bagi kaedah kualitatif pula tiada had umur yang ditetapkan, tetapi ciri-ciri khas akan dikenal pasti selari dengan kajian yang dilaksanakan iaitu, informan terdiri daripada ahli akademik, pengiat dalam gerakan parti politik, gerakan persatuan belia dan pengamal media. Dengan adanya perbezaan antara responden dan informan ini akan membantu pengkaji untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih menyeluruh.

**Penglibatan Politik**

**Konsepsual :**

Penglibatan politik merupakan hubungan dengan sikap kepercayaan dan perasaan terhadap parti-parti politik yang terdapat dalam sesebuah negara. Pengaruh politik juga merujuk kepada konsep-konsep ilmu psikologi seperti pengundi sama ada positif atau negatif, sikap berpuak-puak, politik wang, sikap memburuk-burukkan pemimpin yang tidak dapat memenuhi kehendak individu dilihat mampu mempengaruhi penglibatan politik seseorang atau tidak (Muhammad Fauzi *et. all*, 1999).



© COPYRIGHT UPM

**Operasional :**

Penglibatan politik dalam kajian ini menekankan kepada faktor pendorong yang terdiri daripada keluarga, masyarakat setempat dan media massa. Ketiga-tiga faktor pendorong ini dilihat paling signifikan dalam menentukan sejauh mana penyertaan belia dalam proses mengundi kerana kajian-kajian lepas menunjukkan pengaruh keluarga, masyarakat setempat dan media massa paling banyak disentuh dalam menentukan penglibatan politik seseorang.

## 1.10 Teori Kajian

Kajian ini menggunakan teori penglibatan dalam proses demokrasi (*Participatory Theory of Democracy)* seperti yang dinyatakan oleh Joseph Schumpeter pada tahun 1942. Beliau merupakan seorang ahli ekonomi yang berasal dari Austria dan kemudian menetap di Amerika Syarikat. Di peringkat awal beliau telah menerangkan konsep demokrasi di dalam karya klasiknya iaitu, Kapitalisme, Sosialisme dan Demokrasi. Di dalam penulisan, beliau banyak mengkritik pelaksanaan sistem monarki dalam pentadbiran kerana tidak wujud sistem demokrasi yang subur dalam pemilihan kepimpinan negara selain sistem monarki hanya mementingkan golongan elit daripada terus berkuasa, oleh yang demikian Joseph Schumpeter telah mengusulkan doktrin demokrasi moden dengan mengetengahkan penglibatan daripada masyarakat umum dalam memilih pemimpin. Proses ini dilihat lebih telus dan adil selain dapat menjaga kepentingan masyarakat demi kebaikan bersama (Gerry Mackie, 2003). Teori ini kemudian dikembangkan oleh Michael Rush dan Philip Althoff (1956), Von Vorys (1975), Mibrath dan Goel (1977) serta Osborne, Rosenthal dan Turner (2000). Pengkaji memilih teori ini kerana untuk menjelaskan tindakan seseorang individu untuk terlibat dalam proses demokrasi digerakan oleh agen-agen sosialisasi. Hal ini kerana agen sosialisasi merupakan arah aliran yang menjadi tindakan kepada pergerakan seseorang individu untuk bertingkah laku. Agen- agen ini penting bagi memastikan seseorang individu dapat mengembangkan lagi penglibatan dalam proses demokrasi.

Menurut ahli falsafah Greek-Yunani demokrasi merupakan ideologi politik melalui pemikiran liberalisme yang menekankan hak-hak kebebasan dan kedaulatan seseorang (Von Vorys, 1975). Dari sudut idea demokrasi ianya berpaksikan kedaulatan rakyat, iaitu parlimen berperanan dalam mengubal dan meluluskan dasar yang melibatkan kepentingan rakyat. Sistem demokrasi ini juga lebih dikenali sebagai demokrasi tidak langsung yang telah diamalkan oleh sebahagian besar negara demokrasi di dunia termasuklah Malaysia (Joseph



© COPYRIGHT UPM

Schumpeter 1947). Sistem demokrasi ini juga dilihat sebagai salah satu medium yang diguna pakai dalam prinsip perlembagaan yang dipercayai dan diamalkan secara teratur dalam politik (Haggard & Kaufman, 1995).

Dalam proses pengundian rakyat mempunyai kuasa mutlak untuk memilih wakil rakyat serta mampu untuk mengekalkan atau menghukum dengan tidak mengundi semula wakil rakyat tersebut bagi mewakili suara mereka. Teori penglibatan demokrasi menerangkan sejarah berkaitan proses pilihan raya telah membuktikan proses pemilihan dalam pilihan raya sesuai dengan tingkah laku rakyat atau pengundi yang terlibat dalam proses pilihan raya (Osborne *et. all*, 2000).

Daripada pemahaman teori yang telah diketengahkan oleh Joseph Schumpeter (1942) kemudian telah dikembangkan oleh Von Vorys (1975) serta turut dikembangkan oleh Osborne, Rosenthal dan Turner (2000) menunjukkan konsisten berkaitan sistem demokrasi melalui proses pilihan raya untuk memilih wakil rakyat dalam membawa suara mereka ke dalam parlimen. Sememangnya tidak dapat dinafikan teori penglibatan dalam proses demokrasi (*Participatory Theory of Democracy)* adalah sangat penting dalam kajian ini untuk memastikan sejauh mana sistem demokrasi yang diamalkan masih relevan untuk terus dilaksanakan sehingga tahun-tahun mendatang (Dori Efendi & Jayum Jawan, 2017).

Sistem berparlimen ini dilihat bukan satu jaminan dalam memastikan sistem demokrasi terus subur dan adil dalam pelaksanakan tanpa campur tangan pihak berkuasa atau kerajaan (Almond & Powell, 1966). Almond dan Powell telah menyatakan bahawa peranan badan eksekutif, legislatif dan judisiari perlu lebih jelas dan dipisahkan demi kepentingan pembangunan politik serta mengelakkan daripada penyalahgunaan kuasa oleh kerajaan.

Secara dasarnya sesebuah negara boleh digelar sebagai negara demokrasi sekiranya mengamalkan tujuh ciri-ciri utama iaitu wujud kebebasan bersuara, kebebasan media massa dan berkecuali, menjalankan pilihan raya secara konsisten, bebas dan adil, kebebasan berpersatuan dan berorganisasi, menjaga dan monghormati hak golongan minoriti dan badan kehakiman yang sentiasa bebas dan berkecuali (Zaini, 2006). Merujuk kepada ciri-ciri ini Malaysia boleh digelar sebagai pengamal sistem demokrasi yang sebenar kerana mencapai kesemua ciri-ciri tersebut.



© COPYRIGHT UPM

Partisipasi atau penglibatan masyarakat awam pula boleh merujuk kepada penyertaan masyarakat awam dalam memberikan peluang untuk menyatakan pandangan dan pendapat mereka mengenai perkara tadbir urus kerajaan secara langsung atau pun tidak langsung (Cogan & Sharpe, 1986; Madlala, 2005). Selain daripada itu penglibatan masyarakat awam juga berperanan sebagai membuat keputusan dalam pelaksanaan sesuatu dasar serta menilai dasar yang dilaksanakan tersebut (Madlala, 2005). Penyertaan masyarakat awam adalah proses yang melibatkan keperluan dan nilai masyarakat akan dimasukkan dalam membuat keputusan kerajaan dan ia merupakan proses dua hala iaitu komunikasi dan interaksi dalam memastikan setiap keputusan yang dibuat adalah tepat dan baik seterusnya disokong oleh orang ramai (Meyer & Theron, 2000; Creighton, 2005). Secara keseluruhan definasi partisipasi atau penglibatan yang telah diterangkan di atas dapat dirangkumkan seperti elimen pertama, penyertaan awam terpakai kepada keputusan pentadbiran, kedua, penyertaan awam penting sebagai penyalur maklumat, ketiga, terdapat proses yang teratur untuk melibatkan orang awam, dan keempat, penyertaan awam mempunyai kesan atau pengaruh terhadap sesuatu keputusan (Creighton, 2005).

